

UMP cipta kit antihisteria HALAU SETAN

> Hasil kajian mengenai kejadian histeria di beberapa institusi pengajian dan jabatan kerajaan termasuk kejadian di Hospital Serdang, Selangor berikutan jururawat ternampak kelibat doktor tanpa kepala, Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam memperkenalkan kit menghalau makhluk halus, lapor **Ainul Fatimah Mansor**



KIT BEBAS TAHYUL

UMP hasil set tangani rasukan bernilai RM8,750

Oleh **Ainul Fatimah Mansor**
ainul@metro.com.my
Putrajaya

Hasil kajian tiga tahun dan selepas 11 kali diuji, satu kit antihisteria diperkenalkan Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam bertujuan membantu menangani insiden kerassan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat negara ini.

Nah Canselor UMP Profesor Datuk Dr. Dzing Nairi Ibrahim berkata, kit itu di lengkapi peralatan serta beberapa bahan yang sering digunakan pengawal perubahan iklim untuk menghalau makhluk halus daripada mengganggu manusia.

Menurutnya, kit itu dihasilkan berdasarkan kajian mengenai insidennya dan kerassan yang dialami dalam penyediaan UMP dibantu Pengarah Pasat Islam dan Pembangunan Insan UMP Dr. Malyudin Ismail dengan kerjasama Pasat Rawatan Al-Manarah.

Teknik rawatannya menggunakan kaedah triaya seperti penggunaan asid formik dan serbuk lada yang dimasukkan dalam bentuk lebih moden serta mesra pengguna.

Kit ini dibangunkan sebagai satu produk yang berpotensi besar untuk dipasarkan memandangkan atasiannya yang mematuhi syarat, serta bebas daripada unsur tahyul atau kurat, katanya selepas pelancaran kit itu dan Perasmian Semalam Mengantun Histeria Semudah ABC di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Pengarah Bahagian Education Malaysia, Rahmah Khairi yang mewakili Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail. Turut hadir, Pengasas Pasat Rawatan Al-Manarah Jafri Sidek.

Kit antihisteria ini dijual dengan harga RM8,750 merangkumi kursus dan latihan bagi dua orang untuk menggunakan produk berkenaan dan khidmat rawatan sekiranya kes tidak selesa.

Ia turut merangkumi kaedah rawatan keset bagi kes yang kronik, tiga kali isian semula barangan di dalam kit, sesi ceramah, kos pengurusan risiko dan keselamatan serta khidmat nasihat dalam talian.

Sementara itu, Dr. Malyudin berkata, masalah histeria lebih berpunca daripada gangguan jiwa dan syaitan berbanding tekanan psikologi.

Bekas berkata, kejadian



DR. DZING

histeria yang sering berlaku di sekolah, politeknik, kolej dan universiti di negara ini mengundang pelbagai stigma serta kerassan dalam kalangan pelajar, guru serta ibu bapa.

"Seetengah kejadian daripada diulitikan dan seetengahnya pula bertambah teruk serta tidak kurang juga kes yang berulang.

"Ketidadaan satu mekanisme untuk menanganinya sama ada dalam bentuk peralatan dan sistem pengurusan menyebabkan kejadian histeria berlarutan sehingga kini," katanya.

Katanya, kit yang dihasilkan itu sukar diuji di institusi pengajian dan jabatan kerajaan yang mengalami gangguan histeria dan kerassan tahun lalu.

"Ia juga diuji di Hospital Serdang, Selangor yang pernah mengalami huru-hara kerana ramai jururawat ternampak kelibat doktor tanpa kepala pada waktu malam sekitar dua tahun lalu dan masalah itu berjaya diselesaikan menerusi penggunaan kit ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, secara kolektiva tubuh makhluk halus seolah-olah angin dan ia tidak dapat dilihat dengan pandangan mata biasa.

Bekas berkata, hasil kajian yang dilakukan mendapati makhluk halus bukan saja takut pada lada hitam dan bahan masam seperti limau serta cuka, tetapi juga pada asid formik.

"Asid formik mampu mencairkan, melutup dan membunuh makhluk halus, malah perkara itu di-sahkan sendiri oleh beberapa individu yang mampu menghalau makhluk halus sekali gus mengatoli keberkesamaannya.

"Penggunaan aerosol sememangnya terdapat dalam spray nyamuk, tetapi harus diingatkan bahawa aerosol yang berbau busuk sama mampu membunuh makhluk itu, bukan yang berbau wang," katanya.



Kandungan kit

- 1 Penyembur lada hitam
- 2 Asid formik atau cuka getah (digunakan di kawasan yang diletakkan kerat)
- 3 Ammonia malarat untuk diletakkan dalam beg
- 4 Serbuk lada
- 5 Air ruqyah
- 6 Selembur pada malarat mungkil
- 7 Buku manual penggunaan

ANTARA KEJADIAN HISTERIA DILAPORKAN MEDIA

2 Februari 2015

Kota Tinggi Sesi pembelajaran sebuah sekolah di sini, terganggu selepas dikejutkan dengan kejadian histeria membolehkan kira-kira 40 pelajar.

Difahamkan, kejadian itu bermula sejak minggu lalu sehingga sesi pembelajaran di sekolah itu tidak dapat berjalan seperti biasa.

22 Februari 2014

Puchong Pembelajaran sesi pagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raudah Puchong di sini terganggu akibat kejadian histeria membolehkan kira-kira 50 pelajar, selain beberapa guru sekolah berkenaan. Kejadian bermula pada jam 8 pagi ketika semua pelajar berada di sesi perhimpunan.

'la satu ikhtiar'

Rahmah Khairi

"la satu ikhtiar, bukan lada untuk merawat, tetapi untuk mencegah daripada perbuatan khurafat seperti mempercayai ada kuasa lain selain Allah untuk menyembuhkan penyakit,"

Program Pengaliran Akidah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ahmad

Najia Mokhtar mengenai kit antihisteria yang diperkenalkan Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Menurutnya, dengan adanya kit itu, keyakinan seseorang pesakit kepada Allah akan menjadi lebih tinggi ditambah dengan tiada unsur lain seperti yang banyak dicitrakan dengan perubahan Islam seperti jampi serapah serta penggunaan ayat al-Quran secara salah.

"Pada saya, ia produk yang baik, tidak bercanggah dengan agama dan ia membantu masyarakat untuk mendapatkan kaedah rawatan yang berseesuaian dengan kaedah agama," katanya.